

**SYARAT PERTANDINGAN  
SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI  
SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W  
PERINGKAT NEGERI SABAH 1438H/2016M**

**1- FORMAT PERTANDINGAN**

- 1.1 Pertandingan adalah terbuka kepada masyarakat Islam di Sabah bagi mewakili Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Swasta, Syarikat Persatuan atau Pertubuhan Sukarela, Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Kampung.
- 1.2 Setiap kumpulan hanya dibenarkan memPERTANDINGKAN satu (1) buah sepanduk sahaja.
- 1.3 Setiap kumpulan dimESTIKAN menyediakan dan membawa papan tanda kumpulan masing-masing yang **berukuran 15cm lebar, 50cm panjang dan 1 meter tinggi**.
- 1.4 Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah mengisi **BORANG K-MAULUD: 01/2016 – BORANG PENYERTAAN** Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Teramai

**2- KATEGORI PENYERTAAN**

Pertandingan sepanduk Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Sabah ini terbahagi kepada lima (5) kategori;

**2.1. Kementerian / Jabatan Kerajaan / Swasta**

Kementerian/Jabatan Kerajaan/Swasta **termasuk** Jabatan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, badan berkanun Negeri dan Persekutuan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Perguruan, Maahad Tahfiz dan Syarikat serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

**2.2. Pertubuhan**

Pertubuhan **termasuk** Persatuan, Pertubuhan Sukarela dan Badan Dakwah Daerah, **tidak termasuk** persatuan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan di mana-mana Jabatan atau Kementerian.

**2.3. Sekolah Menengah**

Kategori sekolah meliputi Sekolah Menengah Kerajaan atau Swasta.

**2.4. Sekolah Rendah**

Kategori sekolah Sekolah Kerajaan atau Swasta dan Tadika Kerajaan atau Swasta

**2.5. Kampung**

Kategori kampung termasuk semua kampung, jawatankuasa masjid atau surau, rukun tetangga, taman perumahan di seluruh Negeri Sabah.

### 3- SYARAT SEPANDUK

- 3.1. Sepanduk hendaklah menggunakan **ukuran 1 meter lebar, 4 meter panjang dan 4 meter tinggi (tiang)**
- 3.2. Sepanduk hendaklah menggunakan kain dan **boleh menggunakan bingkai atau tanpa bingkai**. Warna dan jenis kain adalah bebas.
- 3.3. Sepanduk berlambangkan parti politik adalah tidak dibenarkan
- 3.4. Tema sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1438H/2016M iaitu "**UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH**" hendaklah dimasukkan di dalam sepanduk dan dengan tulisan jawi.
- 3.5. Sepanduk hendaklah meletakkan kalimah "**ALLAH**" di sebelah kanan dan "**MUHAMMAD**" di sebelah kirinya dan dalam tulisan jawi.
- 3.6. Sepanduk yang tidak memenuhi syarat tidak akan diadili
- 3.7. **Johan sepanduk** untuk semua kategori hendaklah **diserahkan** kepada pihak penganjur dan akan **menjadi milik** penganjur.

### 4- SYARAT PENULISAN KHAT AL-QURAN

- 4.1. Ayat Al-Quran yang bertulis pada sepanduk hendaklah ditulis dengan **tulisan tangan dan bukannya bercetak** sementara terjemahannya dalam **tulisan rumi**;
- 4.2. Penulisan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk hiasan yang keterlaluan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kesukaran kepada pembaca adalah dilarang;
- 4.3. Penulisan khat ayat al-Quran boleh dibuat dengan syarat ditulis dengan betul dan dapat dibaca;
- 4.4. Tulisan khat ayat al-Quran tidak boleh dicampuradukkan dengan ayat-ayat lain sehingga boleh mengelirukan pembaca;
- 4.5. Tulisan khat ayat-ayat al-Quran mestilah ditulis dengan sempurna dan susunan ayat-ayatnya tidak boleh terputus-putus sehingga mencacat atau mengelirukan atau mengubah maknanya.
- 4.6. Tulisan seni khat ayat-ayat al-Quran yang dibuat dalam pelbagai bentuk sehingga menimbulkan kekeliruan dan menghilangkan tujuan asal ayat-ayat al-Quran diturunkan adalah dilarang kerana tujuan asal al-Quran adalah untuk dibaca, difahami dan dihayati.
- 4.7. Tulisan khat yang terbalik adalah dilarang kerana sukar dibaca dan melanggar kaedah penulisan al-Quran.
- 4.8. Tulisan khat ayat al-Quran mestilah sesuai pada tempatnya dan dalam bentuk yang tidak merendahkan martabat al-Quran.
- 4.9. Ayat Al-Quran yang dipilih hendaklah yang telah ditentukan seperti di **LAMPIRAN A**.

## 5- SYARAT KONTINJEN

- 5.1. Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah disertai oleh sekurang-kurangnya **50 orang ahli atau lebih**.
- 5.2. Kumpulan yang tidak mencukupi **50** orang ahli adalah **tidak layak** untuk menyertai pertandingan kategori kontinjen terbaik. Walau bagaimanapun, kumpulan tersebut boleh menyertai pertandingan sepanduk tetapi dengan **keahlian minimum 30 orang**.

## 6- PENGHAKIMAN SEPANDUK & KONTINJEN

Penghakiman sepanduk dan kontinjen terbaik dan teramai adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## 7- HADIAH

Hadiah kemenangan pertandingan sepanduk dan kontinjen terbaik dan teramai seperti di **LAMPIRAN B**.

## 8- TARIKH, MASA & TEMPAT PERTANDINGAN & PERARAKAN

- **Tarikh** : 12 Disember 2016 (Isnin)
- **Masa** : 6.00 pagi
- **Tempat Bermula** : Dewan Terbuka Dataran Begandang, Beaufort
- **Tempat Berakhir** : Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun Banir, Beaufort

## 9- TAKLIMAT PERARAKAN & PERTANDINGAN SERTA PENENTUAN NO. GILIRAN

- **Tarikh** : 11 Disember 2015 (Ahad)
- **Masa** : 9.00 pagi
- **Tempat** : Dewan Terbuka Dataran Begandang, Beaufort
- **Kehadiran** : Hendaklah dihadiri oleh Ketua Kumpulan atau Wakil Kumpulan

## 10- RAPTAI PENUH PENYAMPAIAN HADIAH

- **Tarikh** : 11 Disember 2015 (Ahad)
- **Masa** : 2.00 petang
- **Tempat** : Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun Banir, Beaufort
- **Kehadiran** : Hendaklah dihadiri oleh Ketua Kumpulan atau Wakil Kumpulan

## 11- PENYAMPAIAN HADIAH

Keputusan dan penyampaian hadiah pertandingan sepanduk dan kontinjen terbaik / teramai akan diumumkan dan disampaikan pada **12 Disember 2016** (Isnin), di **Majlis Perhimpunan Maulidur Rasul S.A.W** bertempat di **Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun Banir, Beaufort**

## 12- ALAMAT & TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada Urusetia Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Teramai Sambutan Maulidur Rasul S.A.W sebelum atau pada **30 November 2016** (Rabu) ke alamat berikut:

**Bahagian Pentadbiran Agama Wilayah & Daerah**

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah**

**Tingkat 10, Blok A, Wisma MUIS**

**KOTA KINABALU.**

**(No. Tel: 088-522148 / 088-522147 / 088-522131, No. Fax : 088-233572 / 088-239415)**

**Atau;**

Bagi penyertaan kontinjen dari daerah Beaufort, Membakut, Kuala Penyu dan Menumbok dan Sipitang, borang penyertaan hendaklah dihantar ke alamat:

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah**

**Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji,**

**Peti Surat No. 225**

**89808 BEAUFORT.**

**(No. Tel: 087-211613, No. Fax: 087-212784)**

## LAMPIRAN A

### PENGHAKIMAN SEPANDUK & KONTINJEN

Penilaian pertandingan sepanduk berdasarkan kepada aspek berikut:

#### **Khat Arab : 40 markah**

- Ketepatan penulisan ayat al-Quran (20 markah)
  - Kaedah penulisan khat Arab (20 markah)
- Khat Arab yang dipertandingkan:-
- ✓ **Khat Thuluth** : Untuk Kategori Kementerian/Jabatan Kerajaan/Swasta
  - ✓ **Khat Parsi** : Untuk Kategori Pertubuhan
  - ✓ **Khat Kufi** : Untuk Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
  - ✓ **Khat Dewani** : Untuk Kategori Kampung

#### **Khat Rumi : 20 markah**

- Kaedah penulisan khat rumi (10 markah)
- Ketepatan ejaan & kesesuaian penggunaan tulisan (10 markah)

#### **Bentuk/Keseluruhan : 30 markah**

- Bentuk hiasan yang kreatif (10 markah)
- Keceriaan dan kebersihan (8 markah)
- Kombinasi reka bentuk dan penulisan (6 markah)
- Warna yang menarik & bersesuaian (6 markah)

#### **Kesesuaian : 10 markah**

- Kesesuaian tulisan arab dan rumi (5 markah)
- Keseimbangan & Kesesuaian saiz khat Arab & Rumi (5 markah)

#### **Waktu Penilaian**

Penilaian pertandingan sepanduk akan dilaksanakan bermula pukul **6.30 pagi hingga pukul 7.30 pagi**.  
**Kumpulan yang lewat hadir/tiba pada masa yang ditetapkan tidak akan diadili.**

### PENGHAKIMAN KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI

Penilaian pertandingan kontinjen terbaik & teramai adalah berdasarkan kepada aspek berikut:

#### ✓ **Keanggotaan : 30 markah**

- Tidak kurang dari 50 orang setiap kontinjen (15 markah)
- Keanggotaan kontinjen yang teramai akan menjadi johan. Sekiranya berlaku persamaan dalam jumlah bilangan maka penghakiman akan dibuat melalui urutan penghakiman. (15 markah).

#### ✓ **Kekemasan Pakaian : 30 markah**

- Pakaian seragam mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan/organisasi (5 markah)
- Kebangsaan lengkap lelaki (bersamping, Bersongkok dan berkasut) (10 markah)

- Pakaian menutup aurat perempuan (keseragaman dalam berpakaian) (10 markah)
  
- ✓ **Cara Berjalan dan Keluar Baris** : 15 markah
  - Segak semasa berjalan (5 markah)
  - Langkah berjalan yang sama serta bekerjasama Dalam kontinjen (5 markah)
  - Keluar baris bersama-sama satu kontinjen semasa di garis penamat (5 markah)
  
- ✓ **Reaksi Dalam Barisan** : 15 markah
  - Tidak bersembang semasa berjalan (5 markah)
  - Sentiasa berselawat (5 markah)
  - Tidak keluar dari perbarisan sewaktu perarakan (4 markah)
  - Tidak mengganggu kontinjen lain (3 markah)
  - Tidak makan dan minum semasa perarakan (3 markah)
  
- ✓ **Tertib & Selawat** : 10 markah
  - Bersemangat semasa berselawat (4 markah)
  - Mempunyai alat bantuan semasa berselawat (kompang dan pembesar suara) (3 markah)
  - Konsisten dalam berselawat dari awal hingga akhir (3 markah)
  
- Keputusan jemaah hakim adalah **MUKTAMAD**

## **LAMPIRAN B**

### **HADIAH**

Hadiah bagi **Pertandingan Sepanduk, Kontinjen terbaik & teramai** bagi 5 kategori adalah seperti berikut;

#### **1- Sepanduk (*Setiap Kategori*)**

- **Johan** : Hadiah Wang Tunai RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil
- **Naib Johan** : Hadiah Wang Tunai RM2,000.00 (Dua Ribu Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil
- **Ketiga** : Hadiah Wang Tunai RM1,500.00 (Satu Ribu Lima Ratus Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil
- **Saguhati** : Hadiah Wang Tunai RM700.00 (Tujoh Ratus Ringgit Malaysia) dan Sijil

#### **2- Kontinjen Terbaik (*Setiap kategori*)**

- Hadiah Wang Tunai RM500.00 (Lima Ratus Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil

#### **3- Penyertaan Kontinjen 500 orang ke atas (kurang dari 1000 orang)**

- Hadiah Wang Tunai RM1,000.00 (Satu Ribu Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil

#### **4- Kontinjen Teramai\_Keseluruhan ( *Satu Pemenang sahaja*)**

- Hadiah Wang Tunai RM2,000.00 (Dua Ribu Ringgit Malaysia), Tropi dan Sijil

## LAMPIRAN C

### AYAT-AYAT AL-QURAN UNTUK KEGUNAAN SEPANDUK

#### KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN/SWASTA/IBSTITUT PENGAJIAN TINGGI

##### 1) Surah Muhammad ayat 2

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَءَامَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَيَّ مُحَمَّدٍ وَهُوَ الْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ كَفَّرَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَالَهُمْ ﴿٢﴾

Dan (sebaliknya) orang-orang Yang beriman dan mengerjakan amal Yang soleh serta beriman kepada Al-Quran Yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) - Yang ialah kebenaran dari Tuhan mereka, - Allah mengampunkan dosa-dosa mereka, dan menjayakan keadaan mereka (di dunia dan di Akhirat).

##### 2) Surah Al-Hujurat ayat 7

وَأَعْلَمُوا أَن فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِّنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّشِدُونَ ﴿٧﴾

Dan Ketahuilah! bahwasanya Dalam kalangan kamu ada Rasulullah (maka janganlah kemahuan atau pendapat kamu mendahului pentadbirannya); kalaulah ia menurut kehendak kamu Dalam kebanyakan perkara, tentulah kamu akan mengalami kesukaran; akan tetapi (Rasulullah tidak menurut melainkan perkara Yang diwahyukan kepadaNya, dan kamu Wahai orang-orang Yang beriman hendaklah bersyukur kerana) Allah menjadikan iman suatu perkara Yang kamu cintai serta di perhiaskannya Dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara Yang kamu benci; mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang tetap menurut jalan Yang lurus

##### 3) Surah al-Ahzab ayat 38

مَا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

Tidaklah ada sebarang keberatan Yang ditanggung oleh Nabi Dalam melaksanakan perkara Yang telah ditetapkan Allah baginya. (yang demikian itu) adalah menurut peraturan Allah Yang tetap, Yang berlaku juga kepada Nabi-nabi Yang telah lalu. dan (ingatlah) perintah Allah itu adalah satu ketetapan Yang ditentukan berlakunya.

##### 4) Surah Al-Anfal Ayat 24

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا تَحْيِيكُمْ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾



Wahai orang-orang Yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara Yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah Bahawa Sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu Dengan (pekerjaan) hatinya, dan Sesungguhnya kepadaNya kamu akan dihimpunkan.

5) **Surah An-Nisa' ayat 69**

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Dan sesiapa Yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang Yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang Yang Syahid, serta orang-orang Yang soleh. dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang Yang taat).

**KATEGORI PERTUBUHAN**

1) **Surah Al-Ahzab Ayat 40**

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ  
شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa Yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan Segala Nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

2) **Surah An-Nahl Ayat 36**

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۗ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَىٰ اللَّهُ وَمِنْهُمْ  
مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۗ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus Dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada Yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula Yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah Bagaimana buruknya kesudahan umat-umat Yang mendustakan Rasul-rasulNya.

3) **Surah Ali-Imran Ayat 164**

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ ءَايَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang Yang beriman, setelah ia mengutuskan Dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, Yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran Yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad Yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan Yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). dan Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah Dalam kesesatan Yang nyata.

4) **Surah Al-Anfal Ayat 27**

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءٰمَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَالرَّسُوْلَ وَتَخُوْنُوْا اٰمَنَتِكُمْ وَاَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٢٧﴾

Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

5) **Surah As-Soff Ayat 4**

اِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ الَّذِيْنَ يُقْتَلُوْنَ فِيْ سَبِيْلِهٖ صٰفَا كَاَنْهُمْ بَنِيْنَ مَّرْصُوْصٍ ﴿٤﴾

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berperang untuk membela ugamaNya, Dalam barisan Yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan Yang tersusun kukuh.

**KATEGORI SEKOLAH**

1) **Surah An-Nisa Ayat 64**

وَمَا اَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُوْلٍ اِلَّا لِيُطَاعَ بِاِذْنِ اللّٰهِ وَلَوْ اَنْهَمُ اِذْ ظَلَمُوْا اَنْفُسَهُمْ جَآءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوْا اللّٰهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُوْلُ لَوَجَدُوا اللّٰهَ تَوَّابًا رَّحِيْمًا ﴿٦٤﴾

Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati Dengan izin Allah. dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

2) **Surah Yunus Ayat 47**

وَلِكُلِّ اُمَّةٍ رَّسُوْلٌ فَاِذَا جَآءَ رَسُوْلُهُمْ قُضِيَ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُوْنَ ﴿٤٧﴾

Dan bagi tiap-tiap satu umat ada seorang Rasul (yang diutuskan kepadanya); setelah datang Rasul masing-masing (menerangkan apa Yang mesti diterangkan) maka hukuman pun dijalankan di antara mereka Dengan adil dan mereka tetap tidak dianiaya.

3) **surah an-Nisa', Ayat 100**

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ يَجِدْ فِي الْاَرْضِ مَرْغَمًا كَثِيْرًا وَسَعَةً ۗ وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهٖ مُهَاجِرًا اِلَى اللّٰهِ وَرَسُوْلِهٖ ثُمَّ يَدْرِكَهٗ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ اَجْرُهٗ عَلٰى اللّٰهِ وَكَانَ اللّٰهُ غَفُوْرًا رَّحِيْمًا ﴿١٠٠﴾

Dan sesiapa Yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah Yang banyak dan rezeki Yang makmur; dan sesiapa Yang keluar dari rumahnya Dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka Sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

#### 4) Surah At-Taubah Ayat 122

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang Yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu Yang dituntut di Dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

#### 5) Surah Al-A'raf Ayat 179

﴿ وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَآلَٰئِ نَعْمٍ لِّبَلِّغُهُمْ ءَأَضَلُّ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴾

Dan Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia Yang mempunyai hati (Tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan Yang mempunyai mata (Tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan Yang mempunyai telinga (Tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang Yang lalai.

### KATEGORI KAMPUNG

#### 1) Surah Al-Maidah Ayat 19

﴿ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ عَلَىٰ فَتْرَةٍ مِّنَ الرَّسُلِ أَن تَقُولُوا مَا جَاءَنَا مِن بَشِيرٍ وَلَا نَذِيرٍ ۚ قَدْ جَاءَكُمْ بَشِيرٌ وَنَذِيرٌ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾

Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad, s.a.w) Yang menerangkan kepada kamu (akan syariat Islam) ketika terputusnya (kedatangan) Rasul-rasul (yang diutus), supaya kamu tidak (berdalih) Dengan berkata (pada hari kiamat): "Tidak datang kepada Kami seorang (Rasul) pun pembawa berita gembira dan juga pembawa amaran (yang mengingatkan kami)". kerana Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang (Rasul) pembawa berita gembira dan juga pembawa amaran. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

2) **Surah Al-Maidah Ayat 92**

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَحْذَرُوا فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا  
الْبَلَّغُ الْمُبِينُ ﴿٩٢﴾

Dan Taatlah kamu kepada Allah serta Taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa Yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, Bahawa Sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) Dengan jelas nyata.

3) **Surah Al-Anfal Ayat 74**

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوُوا وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ  
هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

Dan orang-orang Yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam), dan orang-orang (Ansar) Yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam Yang berhijrah itu), merekalah orang-orang Yang beriman Dengan sebenar-benarnya. mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia Yang mulia.

4) **Surah Al-Anfal Ayat 63**

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ  
بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Dan (Dia lah) Yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). kalaulah Engkau belanjakan Segala (harta benda) Yang ada di bumi, nescaya Engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

5) **Surah Al-mu'minun ayat 115**

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾

"Maka Adakah patut kamu menyangka Bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja Dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada kami?"



Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Unit Urusetia & Perayaan Hari Kebesaran Islam

**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI**

Nama Kumpulan	
Alamat	
Nama Ketua Kumpulan	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon Pejabat	No. H/P :
Bilangan Peserta/Ahli	

**Kategori Penyertaan**

Sila tandakan (  ) kategori penyertaan yang dipilih;

- (  ) Kementerian/Jabatan/Swasta      (  ) Pertubuhan      (  ) Sekolah Menengah  
(  ) Sekolah Rendah      (  ) Kampung

**Pengakuan**

Saya bagi pihak \_\_\_\_\_ mengesahkan bahawa kami akan menyertai Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Kontinjen Teramai sempena Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Negeri Sabah 1438H/2016M dan telah memahami syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

**Tandatangan Ketua Kumpulan**

\_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama:

No. Kad Pengenalan: